

Kempen PruBSN Xtra Reward

Terma dan Syarat

1. Kempen PruBSN Xtra Reward (“Kempen”) ini ditawarkan oleh **Prudential BSN Takaful Berhad** (“PruBSN” atau “kami”). Melalui penyertaan dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang didefinisikan dalam Klausa 3 di bawah) terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini dan Dasar Privasi kami yang boleh diakses di <https://www.prubsn.com.my/ms/privacy-policy/>.
2. **Tempoh Kempen: 1 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025**, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Syarat Kelayakan Kempen:
 - 3.1 **Pelanggan yang Layak** merujuk kepada pelanggan yang memenuhi **semua** syarat berikut:
 - i) Menyertai sijil baharu (“**New Business**”) sama ada **PruBSN Asas360** atau **PruBSN AnugerahMax**, tertakluk kepada syarat yang dinyatakan dalam Klausa 4 di bawah;
 - ii) Sijil mempunyai **Jumlah Perlindungan Asas** sekurang-kurangnya RM50,000;
 - iii) Sijil mempunyai salah satu rider perubatan yang berikut:
 - a. **Health360** untuk **PruBSN Asas360**; atau
 - b. **Medic TotalCare** atau **Medic Asas** untuk **PruBSN AnugerahMax**;
(Nota: Medic Asas ditutup untuk New Business berkuat kuasa 1 Disember 2025)
 - iv) Borang cadangan dihantar dan diterima oleh PruBSN antara **1 Oktober 2025 hingga 31 Disember 2025** (termasuk kedua-dua tarikh), dan sijil tersebut diluluskan dan dikeluarkan selewat-lewatnya pada **15 Januari 2026**.
 - 3.2 Dalam tempoh **tiga (3) tahun pertama** dari Tarikh Permulaan Sijil:
 - i) Sijil hendaklah kekal **berkuat kuasa**;
 - ii) Rider perubatan yang dilampirkan, Health360, Medic TotalCare atau Medic Asas (yang mana berkenaan) **tidak boleh dibatalkan**; dan
 - iii) Jumlah Perlindungan Asas **tidak boleh dikurangkan** di bawah **RM50,000**.
 - 3.3 Pelanggan yang Layak atau pemilik sijil hendaklah memberikan **maklumat yang tepat dan lengkap**, termasuk nama penuh, nombor Kad Pengenalan, alamat emel dan nombor telefon untuk dihubungi dalam borang cadangan atau melalui PruBSN Touch selewat-lewatnya pada **15 Januari 2026**.
 - 3.4 Sijil mestilah disertai dengan kaedah pembayaran berulang seperti **Kad Kredit/Debit** atau **Debit Terus**, melalui **PruBSN Mobility** pada masa penyertaan.
4. **Ganjaran Kempen:**

Setiap Pelanggan yang Layak yang memenuhi Syarat Kelayakan Kempen yang dinyatakan di dalam Klausa 3 di atas berhak menerima Ganjaran Kempen berikut, bermula dari Tarikh Permulaan Sijil, berdasarkan syarat di bawah:

Pelan Asas	Syarat Kelayakan bagi setiap Sijil	Ganjaran bagi setiap Sijil
PruBSN Asas360	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah Perlindungan Asas sekurang-kurangnya RM50,000; dan • Dilampirkan dengan Health360. 	<p>✔ Perlindungan Percuma selama 3 tahun sebanyak RM50,000 sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD)</p>
PruBSN AnugerahMax	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah Perlindungan Asas sekurang-kurangnya RM50,000; dan • Dilampirkan dengan Medic TotalCare atau Medic Asas. 	<p>✔ Ganjaran Tambahan Junior Saver untuk Orang yang Dilindungi berumur 7 tahun dan ke bawah pada hari lahir yang berikutnya: Ganjaran tunai sekaligus bersamaan dengan jumlah sumbangan bulanan*, dikreditkan ke dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA)</p>

**Tidak termasuk sumbangan untuk Takaful Saver/Takaful Saver Impian. Jika kekerapan sumbangan sijil bukan secara bulanan, jumlah sumbangan bulanan yang setara akan digunakan sebagai asas pengiraan Ganjaran Kempen.*

Nota: Medik Asas ditutup untuk *New Business* berkuat kuasa 1 Disember 2025.

Perlindungan Percuma selama 3 tahun sebanyak RM50,000

- 4.1 **Tempoh Perlindungan:** perlindungan percuma akan berkuat kuasa selama tiga (3) tahun dari Tarikh Permulaan Sijil dan tamat pada hari sebelum ulang tahun ketiga sijil tersebut, tertakluk kepada terma dan syarat Kempen ini.
- 4.2 **Syarat Pembayaran Ganjaran:**
- i) Perlindungan percuma hanya akan dibayar sekiranya **Manfaat Kematian atau Manfaat Disability Plus** dibayar di bawah sijil, yang mana berlaku terlebih dahulu.
 - ii) Kelayakan Kempen ini adalah tertakluk kepada keputusan pengunderaitan bagi perlindungan asas. Untuk kes bukan standard, sekiranya TPD dikecualikan daripada Pelan Asas, Ganjaran Kempen bagi TPD untuk Orang Yang Dilindungi ini tidak akan dibayar.
 - iii) Untuk **sijil pranatal** di bawah **PruBSN Asas360**, perlindungan percuma hanya akan dibayar sekiranya **Manfaat Kematian atau Manfaat Disability Plus** dibayar **selepas tarikh kelahiran kanak-kanak**. Dalam kes ini, Ganjaran Kempen **tidak terpakai dari Tarikh Permulaan Sijil**.
- 4.3 **Tarikh Mula Perlindungan:** Tarikh mula perlindungan percuma selama 3 tahun bagi setiap sijil yang layak akan dinyatakan dalam Notis Pengesahan ("NOC") Kempen ini, yang boleh didapati secara digital melalui PruBSN Touch selepas sijil berjaya dikeluarkan
- 4.4 Perlindungan Percuma ini **bukan sebahagian daripada manfaat takaful di bawah sijil yang anda sertai dan bukanlah suatu produk takaful**. Ia merupakan perlindungan percuma yang diberikan oleh PruBSN dalam bentuk hibah daripada dana pemegang saham PruBSN, sepanjang Tempoh Perlindungan seperti yang dinyatakan dalam Klausa 4.1 di atas.

Ganjaran Tambahan Junior Saver untuk Orang yang Dilindungi berumur 7 tahun dan ke bawah pada hari lahir yang berikutnya

- 4.5 **Pengkreditan Ganjaran:**
- i) Untuk Pelanggan yang Layak yang menyerahkan borang cadangan antara 1 Oktober hingga 31 Oktober 2025 dan sijil diluluskan pada atau sebelum 15 November 2025, ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam IUA mulai **28 Februari 2026**, berdasarkan Dana Takafulink yang dipilih di bawah sijil.
 - ii) Untuk Pelanggan yang Layak yang menyerahkan borang cadangan antara 1 November hingga 30 November 2025 dan sijil diluluskan pada atau sebelum 15 Disember 2025, ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam IUA mulai **31 Mac 2026**, berdasarkan Dana Takafulink yang dipilih di bawah sijil.
 - iii) Untuk Pelanggan yang Layak yang menyerahkan borang cadangan antara 1 Disember hingga 31 Disember 2025 dan sijil diluluskan pada atau sebelum 15 Januari 2026, ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam IUA mulai **30 April 2026**, bersama-sama dengan sijil yang diserahkan antara 1 Oktober hingga 31 Oktober 2025 dan diluluskan selepas 15 November 2025, serta sijil yang diserahkan antara 1 November hingga 30 November 2025 dan diluluskan selepas 15 Disember 2025, berdasarkan Dana Takafulink yang dipilih di bawah sijil.
 - iv) Bagi sijil yang tidak mempunyai Dana Takafulink yang dipilih, ganjaran tunai akan dikreditkan ke dalam IUA berdasarkan Dana Takafulink seperti yang ditentukan oleh PruBSN pada masa pengkreditan.
- 4.6 Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan melalui SMS selepas ganjaran berjaya dikreditkan, dihantar ke nombor telefon yang diberikan dalam borang cadangan atau melalui PruBSN Touch, berdasarkan maklumat terkini yang direkodkan dalam sistem PruBSN.
- 4.7 Ganjaran tunai ini merupakan ganjaran percuma yang diberikan oleh PruBSN, dalam bentuk hibah daripada dana pemegang saham PruBSN.
5. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan ketepatan maklumat peribadi yang diberikan kepada PruBSN pada setiap masa. PruBSN mungkin membuat permintaan yang munasabah untuk maklumat lanjut daripada Pelanggan yang Layak untuk menentukan kesahihan sebarang maklumat yang diberikan, termasuk untuk tujuan pengesanan penipuan atau penyalahgunaan.
6. Semua hak, kepentingan dan kelayakan terhadap Ganjaran Kempen dianggap telah dipenuhi apabila perlindungan percuma dibayar sekiranya berlaku kematian atau Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD), atau apabila ganjaran

tunai berjaya dikreditkan, mana yang berkenaan. Tiada tuntutan penggantian lanjut akan dilayan, kecuali jika berlaku kesilapan yang berpunca daripada PruBSN.

7. Ganjaran Kempen ini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang dikeluarkan, yang tertakluk pada proses dan peraturan pengunderaitan standard PruBSN.
8. Keputusan PruBSN berkenaan kelayakan Ganjaran Kempen tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.
9. PruBSN boleh menggantikan Ganjaran Kempen tersebut dengan barangan lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis awal. Ganjaran Kempen tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
10. Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act*, *UK Bribery Act*, *Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance*, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini.
11. Pelanggan yang Layak dan PruBSN bersetuju bahawa sebarang penggunaan dan pendedahan maklumat menurut Kempen ini adalah tertakluk kepada Personal Data Protection Act 2010 ("**PDPA**"). Pelanggan yang Layak dan PruBSN hendaklah mematuhi PDPA.
12. Tidak mengira apa yang bertentangan yang terkandung dalam Kempen ini,
 - a) Jika PruBSN mengetahui atau diberitahu bahawa Pelanggan yang Layak dinamakan dalam mana-mana senarai Sekatan, atau diancam untuk ditambahkan ke dalam senarai Sekatan*; atau
 - b) Jika PruBSN didapati melanggar kewajipan Sekatan akibat Kempen ini, PruBSN akan membatalkan kelayakan Pelanggan yang Layak berkuatkuasa serta-merta dan mengambil tindakan lain yang difikirkan sesuai oleh PruBSN, termasuk tetapi tidak terhad kepada memberitahu mana-mana pihak berkuasa kerajaan yang berkaitan tanpa notis dan liabiliti.

*"**Sekatan**" merujuk kepada apa-apa langkah sekatan yang dikenakan ke atas rejim, negara, kerajaan, entiti, individu dan industri yang disasarkan oleh badan atau kerajaan antarabangsa di Malaysia atau di luar Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada *Office of Financial Sanctions Implementation HM Treasury*, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, *European Union*, *US Treasury Department's Office of Foreign Assets Control* dan *Hong Kong Monetary Authority*.

 - c) Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Klausula 16 ini, dan keupayaan PruBSN untuk membuat tuntutan terhadap Pelanggan yang Layak untuk sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh PruBSN yang timbul daripada pengendalian Klausula 16 ini, akan kekal selepas penamatan atau tamat tempoh Kempen ini.
13. PruBSN mungkin membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen sebelum tamat Tempoh Kempen, sepenuhnya atau sebahagian, pada bila-bila masa, tanpa notis. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan oleh PruBSN untuk Kempen tidak akan memberi hak kepada Pelanggan yang Layak untuk sebarang tuntutan atau pampasan terhadap PruBSN untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada secara langsung atau tidak langsung akibat pembatalan, pengeluaran, penggantungan, pelanjutan atau penamatan tersebut.
14. PruBSN mungkin menambah, memadam, atau mengubah Terma dan Syarat Kempen sepenuhnya atau sebahagian pada bila-bila masa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Cara pemberitahuan (jika ada) adalah mengikut budi bicara PruBSN yang munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada posting di laman web atau laman media sosial PruBSN, memaparkan notis di mana-mana cawangan PruBSN dan/atau apa-apa cara lain seperti yang ditentukan oleh PruBSN.

15. Terma dan syarat ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan bidang kuasa Mahkamah di Malaysia.
16. Terma dan syarat ini disediakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.